

# **Mahasiswa UMP Hulur Bantuan Kanak-kanak Mangsa Taufan Haiyan dan Gelandangan**



Cebu (Filipina), 22 Ogos – Pengalaman 10 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama pihak badan kebajikan Mercy in Action yang merupakan badan kebajikan swasta yang memfokuskan kanak-kanak dan komuniti setempat pastinya meninggalkan pengalaman yang penuh makna buat mereka yang berpeluang mengikuti Program Jelajah Komuniti ASEAN 2015: "Komuniti Sosial & Budaya Filipina" anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) baru-baru ini.

Menempuh perjalanan selama empat jam para peserta bersama pegawai dari JHEPA, Zahiruddin Mohd Zain tiba di Lapangan Terbang Mactan-Cebu dengan disambut mesra Pengarah Mercy in Action, Emily Rosal sebelum menuju ke Spring Village iaitu kawasan pinjaman yang terletak di Talisay City, Cebu.

Ketua kumpulan, Siti Hajar Hassan, 22 dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) berkata, program ini memberi peluang bagi beliau dan rakan-rakan untuk menjalankan program kesukarelawanan bersama kanak-kanak di sana.



"Peserta berpeluang bertemu kanak-kanak gelandangan yang datang ke pusat yang dikenali sebagai Drop-In Centre untuk belajar dan mendapatkan bantuan makanan mahupun harian. Mereka juga dibawa melawat kawasan perkampungan masyarakat miskin dan serba kekurangan yang pernah menjadi mangsa taufan Haiyan yang melanda Filipina pada tahun 2012," katanya.

Katanya, peluang mengadakan rondaan dan memberi makanan dan minuman kepada kanak-kanak gelandangan yang berada di sekitar bandar Talisay merupakan suatu pengalaman yang sungguh memberi kesan.

Pada ketika itu, peserta turut membantu pasukan Mercy in Action ini menjalankan tugasan harian dengan menyediakan roti dan minuman Milo untuk diberikan kepada kanak-kanak gelandangan yang kelaparan dan kesejukan. Aktiviti yang dinamakan 'Night Patrol' ini diadakan oleh pasukan Mercy in Action pada setiap hari Isnin dan berlanjut sehingga jam 11.00 malam.

Sementara itu menurut peserta program, Amira Alia Zulkifli, 22, mereka mengajar kanak-kanak di Tapul Elementary School dan Tapul High School. Tapul ialah sebuah kawasan yang mana masyarakatnya tinggal di kawasan pergunungan dan merupakan salah sebuah kawasan yang menjadi lokasi projek pembinaan rumah oleh pasukan Mercy in Action.



Beliau dan rakan -rakan menaiki jeepneys (van terbuka) milik Mercy in Action untuk sampai di puncak Tapul yang mengambil masa selama lebih kurang dua jam dan terus berjalan kaki selama 20 minit untuk sampai di Tapul Elementary School dan Tapul High School.

Menceritakan pengalamannya, mereka diminta untuk mengajar subjek geografi dan juga menceritakan budaya Malaysia kepada pelajar di sana selain mengajar Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil kepada mereka. Mereka turut berkesempatan menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan rumah Chelo's House yang merupakan salah sebuah rumah perlindungan kanak-kanak lelaki yang dibina oleh Mercy in Action untuk menempatkan kanak-kanak lelaki yang menjadi mangsa penyeludupan kanak-kanak. Menurut Pengurus Chelo's House, Brice pada masa ini kanak-kanak lelaki ini ditempatkan di kawasan penempatan sementara dan dijangka bakal berpindah masuk ke Chelo's House tidak lama lagi.



Pengalaman yang ditimba oleh mahasiswa tahun akhir sangatlah berharga di samping mengenali budaya, cara hidup dan sistem pendidikan di sesebuah negara itu. Pengalaman menjadi sukarelawan di negara asing ternyata membuka minda dan mata peserta dalam mengenali budaya dan komuniti sosial sesebuah masyarakat setempat dan menjadikan peserta lebih bersyukur dan menghargai kemudahan di negara sendiri.

**Disediakan oleh pelajar dari Fakulti Sanis dan Teknologi Industri ,Amira Alia Zulkifli dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 11-09-2015, 12:15:21